

17/02/2003

SK diarah laksana semula program POL

SEMUA sekolah kebangsaan (SK) seluruh negara diarahkan mengadakan semula program bahasa ibunda pelajar (POL) yang sebelum ini dihentikan, sekiranya

ada permintaan dan tenaga pengajar mencukupi untuk melaksanakannya.

Arahan itu terkandung dalam pekeliling Kementerian Pendidikan yang diedarkan ke semua SK seluruh negara Januari lalu.

Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (GMGBM), Abu Hassan Sidek berkata, kebenaran melaksanakan program POL di SK itu mencakupi tiga

bahasa utama, iaitu Arab, Cina dan Tamil.

Langkah itu sejajar dengan usaha kerajaan bagi menarik lebih ramai pelajar dari sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan Tamil (SJKT) serta sekolah aliran agama memasuki SK.

Walaupun pekeliling itu tidak mewajibkan semua SK untuk melaksanakan semula program POL, beliau berkata, sekolah terbabit perlu mengambil inisiatif berkenaan jika mendapat permintaan, sama ada daripada ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) mahupun pelajar sendiri.

Mengikut pekeliling itu katanya, bagi menghidupkan balik kelas POL setiap bahasa berkenaan, sekurang-kurangnya 15 pelajar diperlukan, tetapi

jika kurang daripada bilangan itu, program terbabit masih boleh dijalankan

bergantung kepada budi bicara pihak sekolah terbabit.

"Selain itu, penyediaan tenaga pengajar juga perlu dipastikan mencukupi.

Pelaksanaan program POL, mungkin akan menarik lebih ramai pelajar pelbagai

kaum mengikuti pelajaran di SK," katanya kepada Berita Harian.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar Jumaat lalu yang memetik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai

berkata kerajaan akan menyusun semula sistem SK di seluruh negara dengan menyediakan sukatan dan mata pelajaran mencukupi untuk keperluan semua pelajar.

Dr Mahathir berkata SK kini sudah menjadi sekolah agama Islam Melayu kerana mahu mengutamakan ciri kemelayuan dan menanam unsur keislaman dalam sistem itu.

Selain itu, bahasa ibunda bukan Melayu yang diajar di SK dulu diketepikan sehingga orang Cina dan India menolak SK kerana menganggap ia menjadi sekolah Melayu dan sekolah agama Islam.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, jawatankuasa khas dipengerusikan bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Murad Mohd Noor, mengkaji secara menyeluruh kurikulum baru SK, termasuk memberi input mengenai subjek agama.

Abu Hassan berkata berdasarkan kajian beliau sendiri, kekurangan

sambutan pelajar Cina, khususnya, terhadap SK bukanlah berasaskan faktor perkauman, tetapi lebih kepada dorongan untuk menguasai bahasa ibunda mereka dengan baik berikutan kepentingan peranan bahasa berkenaan dari segi komersial, sama ada dalam pasaran kerjaya mahupun perniagaan.

Dari segi pelaksanaan program POL di SK pula, beliau berkata, kekangan mungkin dihadapi dari segi masalah kekurangan tenaga pengajar yang diperlukan.

Bagaimanapun, katanya, GMGBM menyokong langkah penyusunan semula sistem

SK yang disifatkan sebagai strategi kerajaan ke arah menyatupadukan rakyat

majmuk negara ini di bawah dasar integrasi kaum melalui pendidikan.

Namun, beliau menegaskan, andaian atau tanggapan pelajar bukan Melayu bahawa SK sudah menjadi sekolah Melayu atau sekolah agama Islam, adalah tidak tepat.

Sebaliknya, terdapat banyak SK sedia ada yang melaksanakan amalan begitu

liberal sekali gus bersesuaian untuk pendidikan pelajar berbilang kaum di

negara ini.

Sementara itu Presiden Alumni Suluh Budiman, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Datuk Seri Mohd Hilmi Ismail, pula turut melahirkan sokongan terhadap usaha kerajaan berkenaan, termasuk menyeragamkan sekolah

agama seluruh negara di bawah satu sistem pendidikan kebangsaan.

"Penyeragaman semua sekolah berkenaan di bawah Kementerian Pendidikan adalah penting supaya dasar kerajaan untuk membina negara melalui pendidikan tercepat di samping boleh mempercepatkan proses integrasi kaum

dari peringkat generasi muda lagi.

"Tambahan pula, ada sekolah agama yang disalahgunakan oleh segelintir pihak untuk kepentingan tertentu ataupun peribadi sedangkan pendidikan tidak sepatutnya diperbuat sedemikian. Ia perlu dipelihara dengan baik demi kepentingan masa depan rakyat dan negara," katanya.